



Malay

taip untuk carian

Banner

AM > BERITA

Rayuan Taksiran Cukai Hanya Sah Apabila Kemuka Borang Q - LHDN

🕒 19/11/2025 04:44 PM



Pengarah Jabatan Resolusi Pertikaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Norhaslinda Bukhari ketika diwawancara mengenai 'Rayuan Cukai: Ketahui Proses Yang Betul' dalam Ruang Bicara di Wisma Bernama malam ini.

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Pembayar cukai diingatkan bahawa setiap rayuan terhadap taksiran cukai hanya sah sekiranya dikemukakan menggunakan Borang Q dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis dikeluarkan.

Pengarah Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) Norhaslinda Bukhari berkata bagi permohonan lanjutan masa pula, ia perlu disertakan dengan alasan munasabah melalui Borang N seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Beliau berkata ramai pembayar cukai masih keliru mengenai proses rayuan, termasuk penggunaan borang tidak tepat, pengisian tidak lengkap serta percubaan membuat rayuan melalui surat atau secara lisan, sedangkan undang-undang menetapkan hanya borang rasmi yang sah boleh digunakan.

"Pembayar cukai yang ingin merayu terhadap taksiran di bawah Seksyen 99 Akta Cukai Pendapatan wajib menggunakan Borang Q yang boleh dimuat turun melalui portal rasmi LHDN, dan borang berkenaan perlu mengandungi maklumat lengkap seperti tahun taksiran, amaun cukai dikenakan, alasan rayuan serta tandatangan pihak berautoriti seperti pengarah syarikat atau wakil sah yang dibenarkan.

"Rayuan melalui surat biasa atau secara lisan adalah tidak sah dan tidak akan diproses kerana Akta Cukai Pendapatan hanya mengiktiraf rayuan melalui borang yang telah ditetapkan. Dokumen tambahan turut dibenarkan sekiranya alasan rayuan melebihi ruang yang disediakan dalam borang," katanya dalam program Ruang Bicara bertajuk "Rayuan Cukai: Ketahui Proses Yang Betul" terbitan Bernama TV.

Program itu turut disertai Peguam Kanan JRP LHDN Norsalwani Muhd Nor.

Ad Banner

Bagi rayuan yang difailkan lewat selepas 30 hari, Norhaslinda berkata pembayar cukai masih boleh meneruskan permohonan namun wajib mengemukakan Borang N berserta alasan munasabah yang menyebabkan kelewatan seperti masalah kesihatan, rawatan berpanjangan atau bencana seperti banjir yang merosakkan dokumen.

Sementara itu, menyentuh mengenai Prosiding Resolusi Pertikaian (PRP), Norsalwani berkata LHDN akan melakukan semakan awal selepas menerima Borang Q bagi memastikan borang dikemukakan dalam tempoh masa yang ditetapkan, dan pembayar cukai akan menerima surat pengesahan penerimaan sebagai bukti rasmi bahawa rayuan telah didaftarkan.

Beliau berkata di bawah Seksyen 101 Akta Cukai Pendapatan, LHDN mempunyai tempoh 12 bulan untuk menyemak dan membuat keputusan terhadap sesuatu rayuan.

“Daripada jumlah tempoh itu, tiga bulan pertama diperuntukkan kepada pejabat LHDN negeri atau cawangan khas untuk menilai sama ada isu yang dibangkitkan boleh diselesaikan di peringkat awal.

“Jika rayuan tidak dapat diputuskan di peringkat negeri, ia akan dirujuk kepada JRP untuk semakan lanjut termasuk melalui pelaksanaan PRP yang menghimpunkan pembayar cukai, ejen cukai atau peguam yang dilantik serta panel LHDN yang diketuai Pengarah JRP,” katanya.

Bagaimanapun, Norhaslinda berkata LHDN akan menilai fakta, dokumen sokongan, hujah undang-undang dan amalan percukaian sebelum mencari kesimpulan yang adil kepada kedua-dua pihak, dan pembayar cukai juga boleh mengemukakan cadangan penyelesaian bagi mempertimbang ruang kompromi.

“Namun, sekiranya tiada persetujuan dicapai dalam tempoh 12 bulan, rayuan tersebut perlu dipanjangkan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan,” katanya.

Pada masa sama, beliau berkata sebagai sebahagian daripada usaha mempercepat transformasi digital percukaian negara, LHDN telah mula melaksanakan percubaan sistem e-Rayuan secara berfasa sejak September 2025 bagi pembayar cukai tertentu melibatkan Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Norhaslinda juga berkata peluasan sistem itu ke seluruh negara akan dilakukan secara berperingkat setelah tahap kesiapsiagaan, pemahaman pengguna dan prestasi teknikal berada pada tahap optimum bagi memastikan kesilapan pengisian, kelewatan penghantaran serta kekeliruan proses dapat dikurangkan.

-- BERNAMA

International Construction Week (ICW) & BuildXpo 2025 ...



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah